

SISTEM BARU ELAK TUKAR BAYI DICUBA



DATUK PATHMANABAN

KUALA LUMPUR, Jumaat — Satu sistem baru mengelakkan pertukaran bayi baru lahir sedang diuji di tiga Hospital Besar, Pulau Pinang, Kelantan dan Selangor.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk K. Pathmanaban berkata, di bawah sistem baru itu setiap kanak-kanak akan dilekatkan di pergelangan tangan, kad plastik lengkap dengan nombor siri sebagaimana nombor pada ibunya.

Menjawab soal-tambahan Enik Lim Kit Siang (DAP-Kota Melaka) di Dewan Rakyat hari ini, Datuk Pathmanaban berkata, ujian yang dijalankan di Selangor amat memuaskan.

Bellau berkata, pada

masa ini, setiap kelahiran bayi direkod dengan berbalai butir termasuk nama ibu, jantina dan lain-lain. Ini memudahkan berlakunya kesilapan.

Salah satunya dengan hanya melekatkan nombor siri di pergelangan tangan bayi, ia dapat mengurangkan kekeliruan meskipun tidak dapat memperbaiki keseluruhannya.

Tindakan

Menjawab soal asal dari Enik Karpal Singh (DAP-Jelutong), Datuk K. Pathmanaban berkata:

Terdapat 4 kejadian sebagai kekeliruan bayi berlakudi Hospital-Hospital Besar Seremban, Kuala Lumpur dan 2 kejadian di Hospital Besar Kelang.

Hasil daripada peniaatan yang teliti menunjukkan, kejadian-kejadian itu bukanlah merupakan kekeliruan bayi tetapi adalah akibat kesilapan dalam mencatat rekod-rekod.

"Saya suka memaklumkan bahawa Kementerian telah mengambil tindakan yang perlu bagi mengelakkan berlakunya kejadian-kejadian seperti itu.

"Ianya ialah mewujudkan keseragaman mengenai peraturan-peraturan pengenalan bayi-bayi yang baru lahir, mengemaskinkan sistem rekod, memastikan pemeriksaan lebih teliti semasa membawa bayi keluar dari bilik bersalin ke wad-wad lain, dan.

Memastikan penyelesaian rapi oleh pakar per-

bidanan dan skiptuan dan ketua jururawat ke atas kategori-kategori kakitangan lain di bilik bersalin.

Datuk K. Pathmanaban berkata, dari empat kes yang berlaku itu, tiga darinya akibat kesalahan mencatat rekod.

Katanya, kesilapan tersebut dapat dikesan semasa di hospital dan bukan setelah sampai di rumah.

Bagaimanapun, beliau berkata, kejadian yang berlaku di klinik swasta tidak diketahuinya.

Bellau berkata, sekiranya berlaku ia mungkin diselesaikan dengan cara rundingan.

Pertahanan ikut falsafah 'halang'

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pertahanan negara adalah didasarkan kepada falsafah 'kemampuan menghalang atau menyekat' dengan menggunakan sumber-sumber pertahanan yang ada, Dewan Rakyat diberitahu, hari ini.

Kerja-kerja dan projek-projek pertahanan yang berjalan sekarang adalah mengikut falsafah tersebut dan bukanlah langkah sementara, kata Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar, ketika menjawab soal Enik Peter Chin Gan Oon (BN-Ipoh).

Enik Peter ingin tahu langkah Kementerian Pertahanan untuk melindungi sempadan negara dari musuh kerana pemotongan peruntukan projek-projek penting seperti di Gong Kedak, tidak dapat dijalankan.

"Proses membina pertahanan menurut falsafah tersebut memakan masa yang panjang dan segala rancangan bergantung kepada keadaan ekonomi negara," tegas beliau.

Katanya, oleh kerana pengurangan peruntukan, projek Gong Kedak ditunda buat sementara dan segala latihan ketenteraan udara dijalankan di tempat-tempat seperti Kinrara, Alur Setar, Ipoh

dan Kuantan. Projek Gong Kedak, katanya, adalah untuk memusatkan semua bidang latihan tentera udara dan bukan dirangka sebagai sebuah pangkalan gerakan.

Menyentuh soal keselamatan dan pengawasan Laut Cina Selatan, Abang Abu Bakar memberitahu, ia adalah tugas bersama tentera laut dan udara.

"Ia dibahagikan kepada dua aspek, iaitu aspek berjaga-jaga dan bertahan," ujarnya.

"Sekiranya keselamatan dan kedaulatan negaraancam, kita akan menggunakan secara optimum sumber-sumber yang ada," tambahnya.



ABANG ABU BAKAR

Skim baru pegawai selidik, kebajikan digubal

KUALA LUMPUR, Jumaat — Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk K. Pathmanaban memberitahu Dewan Rakyat hari ini, Kementerian sedang menggubal skim baru untuk jawatan pegawai penyidik dan pegawai kebajikan.

Bellau berkata demikian ketika menjawab soal Enik Yeoh Poh San (BN-Petaling) yang ingin tahu langkah kerajaan memperbaik perkhidmatan pekerja-pekerja 'paramedik' dalam hospital kerajaan dan kemudahan-kemudahan membantu mereka mendalami pengetahuan dan kelayakan.

"Percaturan telah diperolehi untuk mewujudkan jawatan-jawatan tingkatan kanan dan tingkatan tertinggi 'G' di samping memberi peluang kenaikan pangkat yang lebih luas," ujarnya.

Kursus

Berkaitan dengan peluang-peluang latihan lanjutan, katanya, Kementerian akan menganjurkan kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang di dalam dan di luar negeri untuk pegawai-pegawai kategori ini dari masa ke semasa.

"Setengah kursus ini telah dijalankan dengan kerjasama daripada organisasi Kesihatan Sedunia (WHO)," katanya. Dalam soal-tambahan Enik Daud Datuk Taha (BN-Batu Pahat), Datuk Pathmanaban menjelaskan, pengiraan ke luar negeri pegawai-pegawai yang dituntut adalah tidak ramal.

Kompleks kayu tidak gugat Bumiputera

KUALA LUMPUR, Jumaat — Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Enik Bujang Haji Ullis menafikan dakwaan bahawa penubuhan kompleks-kompleks perikanan Kerajaan menjadi saingan kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera.

Menjawab soal Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed (BN-Jerantut) di Dewan Rakyat hari ini, Enik Bujang menjelaskan, dari 12 kompleks perikanan yang ditubuhkan, 9 darinya adalah kepunyaan 100 peratus

Bumiputera. Tiga lagi kepunyaan Bumiputera antara 51 hingga 70 peratus.

Bellau juga berkata, pada tahun 1980, pekerja-pekerja Bumiputera dalam industri perikanan ialah seramai 19,800 orang atau 52 peratus dari jumlah 38,300 berbanding hanya 7,828 atau 40.2 peratus dari jumlah 19,477 pekerja pada tahun 1970, sebelum kompleks-kompleks perikanan itu ditubuhkan.

Dari segi pembalakan, beliau berkata, Kerajaan Negeri masih memberi

peluang kepada pengusaha-pengusaha per sendirian Bumiputera untuk memohon kawasan balak dan mengerjakan sendiri kawasan yang diperolehi.

Mengenai latihan, Enik Bujang berkata, kompleks perikanan menghantar kakitangannya untuk berkursus di pusat-pusat latihan seperti Pusat Latihan Kemalab Terengganu, Kolej Perhutanan Kepung dan Institut Kemahiran Mara, Pekan, Pahang, untuk memperingkatkan kemahiran kakitangan dalam industri perikanan.

Syarat kelas bahasa ibunda...

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kementerian Pelajaran akan menyediakan sebuah kelas bahasa ibunda jika bilangan murid di sesebuah sekolah yang ingin mempelajari melebihi 15 orang.

Timbalan Menteri berkenaan, Dr. Tan Tiong Hong berkata, pengajaran bahasa itu hanya akan diadakan jika ibu bapa murid-murid meminta pihak sekolah mengadakannya.

Bellau menjelaskan demikian ketika menjawab soal Datuk Lee Kim Sai (BN-Hulu Selangor) di Dewan Rakyat, hari ini. Beliau berkata, Kementerian Pelajaran menyediakan guru-guru bahasa ibunda yang mencukupi bilangannya untuk mengajar bahasa itu di sekolah sekolah menengah jenis kebangsaan.

MAS beri minum saja kerana hendak jimat

KUALA LUMPUR, Jumaat — Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) hanya menyediakan minuman saja kepada para penumpang dalam penerbangan dalam negeri sebagai langkah berjimat cermat dan mengurangkan kos operasi.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abu Hassan Omar berkata, penyediaan makanan tidak diberi mungkin disebabkan perjalanan untuk sesuatu penerbangan tidak memakan masa yang lama.

Bellau berkata demikian ketika menjawab soal-tambahan Haji Hashim Endut (BN-Hulu Muda) yang ingin tahu mengapa MAS hanya menyediakan minuman saja untuk penerbangan dalam negeri.

Menjawab soal asal Enik Mutang Tagal (BN-Bukit Mas) yang ingin tahu sama ada MAS bertanggungjawab mengenai keinginan, maka anda dan pengangkutan kepada para penumpang persinggahan, Datuk Abu Hassan berkata:

Kemudahan

"Adalah menjadi dasar MAS memberi kemudahan-kemudahan seperti makanan, minuman, pengangkutan dan keinginan kepada penumpang-penumpang sama ada mereka memsama atau penerbangan negeri atau penerbangan antarabangsa, apabila sesuatu penerbangan itu ditawarkan kerana kerosakan-kerosakan teknik atau cuaca buruk.

"Bagaimanapun katanya, kemudahan akan dikemukakan dan keinginan hanya akan diberi kepada penumpang-penumpang per-

singgahan (transit) sahaja jika penerbangan berkenaan telah lewat lebih dari enam jam dan waktu bertolak tidak dapat ditentukan.

Penumpang-penumpang lain perlulah membuat aturan sendiri, kata beliau lagi.

Menurutnya, kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh MAS ini adalah sebagai 'muhabbah' untuk kesenangan penumpang-penumpang. Mengikuti syarat-syarat pengangkutan am syarikat, MAS tidak terikat atau dipertanggungjawabkan untuk memberi kemudahan-kemudahan tersebut, tegasnya.

Sementara itu, dalam jawapan bertulis kepada Dr. George Chan Hong Nam (BN-Lambir) yang ingin tahu jumlah keutungan MAS untuk perkhidmatan di Sarawak dari tahun 1980, beliau berkata:

"Hitungan kewangan dari segi pendapatan dan perbelanjaan MAS da-

lam menjalankan perkhidmatan di Sarawak tidak dapat dibuat dengan tepat."

Bagaimanapun, katanya, hitungan secara anggaran mengenai perkhidmatan di Sarawak boleh dilakukan dan ini adalah seperti berikut:

Bagi tahun kewangannya di antara bulan April 1980 hingga Mac 1981, MAS mengalami kerugian sebanyak \$15 juta. Bagi tahun kewangan di antara bulan April 1981 hingga 1982, MAS mengalami kerugian sebanyak \$6.9 juta, bagi tempoh di antara April 1982 hingga Julai 1982, kerugian yang dialami ialah lebih kurang sebanyak \$5.4 juta.

Kerugian kewangan ini kata beliau, bukan sahaja dialami di Negeri Sarawak, malah MAS juga mengalami kerugian dalam menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan dalam negeri keseluruhannya termasuk di Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Sungutan terhadap akta ICA dijawab

KUALA LUMPUR, Jumaat — Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon, menegaskan sungutan mengenai akta penyelarasan perindustrian (ICA) tidak lagi berbangkit semasa rombakan-rombakan galakan pelaburan mengadakan lawatan di luar negeri.

Menjawab soal-tambahan dari Enik Tan Kok Hooi (BN-Bagan Serai), Timbalan Menteri berkata, tujuan rombakan bukanlah untuk "makan angin" tetapi mencari 'pengusaha-pengusaha' dan mengadakan perbincangan yang terperinci berhubung dengan projek-projek yang diminati.